

SELASA, 9 JUN, 1981

# Kita tak mahu jadi sasaran — Dr. M

KUALA LUMPUR, Isnin — Malaysia tidak berniat menjadi proksi kepada mana-mana pihak dan tidak juga mahu dijadikan sasaran dalam persaingan kuasa-kuasa besar mendapatkan kawasan-kawasan strategik bagi meluaskan cengkaman pengaruh mereka, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini.

Timbalan Perdana Menteri menekankan, perlunya Malaysia membuat persediaan sendiri bagi menghadapi sebarang kemungkinan dan tidak hanya bercakap kosong memandangkan kepada ketidak-tentuan suasana dunia dan serantau sekarang.

"Pembesaran pasukan keselamatan kita yang sedang dipergiatkan adalah sejajar dengan kemungkinan ini," katanya sewaktu berucap merasmikan persidangan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Keselamatan Daerah seluruh Malaysia, di Dewan Tuanku Abdul Rahman, di sini.

Hadir sama Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Hashim Aman, Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Jeneral Tan Sri Ghazali Mohd. Seth, Ketua Polis Negara, Tan Sri Hanif Omar dan Setiausaha Majlis Keselamatan Negara, Encik Abdul Malik bin Abdul Aziz.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, dekad lapan puluhan memperlihatkan persaingan hebat di antara kuasa-kuasa besar dunia yang masing-masing merebut untuk mendapatkan kawasan-kawasan yang strategik melalui cara langsung atau penggunaan proksi.

Untuk maksud itu, lambahnya, kuasa-kuasa besar giat berusaha mendapatkan lebih banyak negara kecil yang sanggup tunduk di bawah arahan dan kawalan politik mereka, di samping cuba merebut kuasa dan mengawal ekonomi negara-negara pengeluar bahan mentah serta pasarannya.

## Tersisir

Dalam pergelutan kuasa besar ini, Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan, kita harus berhati-hati supaya tidak diperalatkan secara langsung atau tidak langsung, kerana biasanya orang-orang yang sudah tersisir dan tidak mempunyai tempat akan menyumbangkan diri mereka sebagai alat.

Tegasnya, cabaran-cabaran dalam dekad lapan puluhan cuma boleh diatasi dengan kita menjadi lebih "ketahanan diri" dalam seberapa banyak bidang yang mungkin.

Katanya lagi, kita khuatir campurtangan kuasa-kuasa besar yang berterusan dalam hal ehwal negara asing akan menjadi faktor yang mungkin mencetuskan peperangan di antara kuasa-kuasa besar.

Bellau kesal, kerana di rantau ini Indo-China merupakan kawasan yang tidak pernah bebas dari peperangan sejak

## 'Malaysia perlu buat persediaan sendiri'

perang dunia kedua dan Malaysia pernah mengharap rantau ini akan menjadi aman dan stabil dengan berakhirnya peperangan di Vietnam.

"Kita juga pernah menaruh harapan yang ikhlas bahawa negara-negara baru di Indo-China bersama lain-lain negara di Asia Tenggara akan dapat menegakkan kawasan aman, bebas dan berkecuali di rantau ini. Malangnya harapan kita ini terkecewa," ujar beliau.

## Menggadai

Persaingan cita-cita dan hasrat di kalangan kuasa-kuasa komunis untuk berkuasa di rantau ini telah membawa kepada meletusnya peperangan di antara Vietnam dengan Kampuchea dan China dengan Vietnam.

Katanya, Negara-negara Asia Tenggara memandang perkembangan ini dan kita khuatir ia akan melimpah hingga boleh mengancam keselamatan kita.

Memandangkan keadaan ini, tambah beliau, kita perlu melengkapkan kemampuan kita dari segi ketenteraan supaya dapat mengambil tanggungjawab sepenuhnya untuk pertahanan negara.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, perkara yang lebih utama dalam ketahanan negara adalah peranan, penglibatan dan kesedaran rakyat secara menyeluruh terhadap masalah yang dihadapi negara.

Katanya, kebangkitan semangat kenegaraan yang cinta dan kasihkan negara hingga sanggup menggadai nyawa sekalipun untuk pertahanan negara perlu ditingkatkan di kalangan rakyat.

Malangnya, tambah beliau, masih terdapat segolongan rakyat yang masih belum mempunyai semangat ini.